

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

- i. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan yang berkerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, penyiaran dan portal media serta perlulah berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
- ii. **Stringer dan wartawan sambilan** layak menyertai Anugerah Media Halal Meembar 2018.
- iii. Penyertaan perlulah disahkan oleh **Ketua Pengarang, Ketua Jabatan atau Majikan** menggunakan borang penyertaan rasmi yang disediakan.
- iv. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **1 Januari 2018 sehingga 15 Februari 2019** layak menyertai.
- v. **Penyertaan dibuka mulai 1 Disember 2018 ; tarikh tutup penyertaan pada 18 Februari 2019.**
- vi. Semua bahan berita/rencana bercetak; video; audio; konten media sosial yang diulang siar/diterbitkan tidak layak dipertandingkan. Karya asli sahaja diterima.
- vii. Borang penyertaan berserta bahan penyertaan yang lengkap perlulah dikepilkan bersama **salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan** – dihantar kepada:

**Urusetia Anugerah Media Halal Meembar
Malaysian Press Institute,
C2-3, Radius Business Park,
Jalan Radius 1/1C, Cyber 4,
63000 Cyberjaya, Selangor.**

- viii. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI.
- ix. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
- x. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

BIDANG BERKAITAN INDUSTRI HALAL MELIBATKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN:

- Makanan dan minuman Halal. Cth : Produk makanan/minuman; bahan-bahan tambahan yang digunakan; teknik penghasilan/pemprosesan dll.
- Pertanian & Perladangan Halal. Cth : Perternakan/penyembelihan; teknik penghasilan / pemprosesan tumbuhan dll.
- Hospital / Perubatan berlandaskan syariat.
- Perniagaan berlandaskan syariat.
- Pelancongan berlandaskan syariat.
- Kosmetik Halal.
- Pengangkutan Halal.
- Busana Muslim/Muslimah.
- Sains dan Teknologi. Cth : Peralatan mengesan bahan-bahan mencurigakan (haram) di dalam produk makanan/minuman/kosmetik; applikasi telefon pintar; vaksin halal; gelatin halal dll.
- Pasaran Halal global.
- Promosi mengenai Global Halal
- Sijil HALAL oleh Jakim.
- Lain-lain isu semasa berkait dengan Halal.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

A. KATEGORI ANUGERAH MEDIA CETAK DAN PORTAL BERITA

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita /penulisan rencana / kolumnis / ekonomi mengenai **isu-isu berkait dengan industri halal, penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Penulisan dan pelaporan yang memberi **impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan Halal kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industri Halal.**
3. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti industri Halal, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada negara.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang disalin pada **satu (1)** salinan cakera padat.
6. Jika tulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
7. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
8. Setiap penyertaan artikel dalam Bahasa Cina atau Tamil wajib diterjemahkan tajuk dan sinopsis laporan. Terjemahan tersebut perlu dikemukakan dalam format PDF.

B. KATEGORI ANUGERAH MEDIA PENYIARAN TELEVISYEN DAN VIDEO DALAM TALIAN

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita /laporan khas /bual bicara /wawancara /program /dokumentari mengenai **isu-isu berkait dengan industri halal, penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Penulisan dan pelaporan yang memberi **impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan Halal kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industri Halal.**
3. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti industri Halal, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada negara.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Karya yang disiarkan **hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.** Peranan wartawan hendaklah ditampikan dengan “standupper”.
6. Hanya siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
7. Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan sebanyak **satu (1) salinan cakera padat.** Setiap CD/DVD mesti memiliki sampul cakera padat masing-masing lengkap dengan tajuk penyertaan dan durasi.
8. **Bahan penyertaan yang dihantar bukan “raw material”** dan hendaklah salinan daripada karya yang telah disiarkan. Hanya karya yang disiarkan sahaja diadili.
9. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
10. Untuk **bahan penyertaan dalam Bahasa Cina atau Bahasa Tamil,** perlu diletak bersama sarikata dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

C. KATEGORI ANUGERAH MEDIA PENYIARAN RADIO

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita /ulasan berita /bual bicara /wawancara mengenai **isu-isu berkait dengan industri halal, penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Penulisan dan pelaporan yang memberi **impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan Halal kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industri Halal.**
3. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti industri Halal, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada negara.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Karya yang disiarkan **hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.** Peranan wartawan hendaklah ditampikan dengan “standupper”.
6. Hanya siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
7. Bahan penyertaan audio hendaklah dikemukakan sebanyak **satu (1) salinan cakera padat** dalam format MP3 atau mana-mana format bersesuaian. Setiap CD/DVD mesti memiliki sampul cakera padat masing-masing lengkap dengan tajuk penyertaan dan durasi.
8. **Bahan penyertaan yang dihantar bukan “raw material”** dan hendaklah salinan daripada karya yang telah disiarkan. Hanya karya yang disiarkan sahaja diadili.
9. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
10. Untuk **bahan penyertaan dalam Bahasa Cina atau Bahasa Tamil**, perlu dikepil bersama skrip terjemahan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

D. KATEGORI ANUGERAH MEDIA SOSIAL

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan karya-karya yang memberi ulasan/laporan/komentar menggunakan platform media sosial seperti Blog, Instagram, Facebook atau Twitter dengan **isu-isu berkait dengan industri Halal, penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Terbuka penyertaan kepada pengamal media, *influencer*, *blogger* yang mempunyai ramai pengikut dan mendapat bilangan ketik suka / perkongsian yang tinggi pada tulisan yang dihasilkan.
3. Ulasan atau komentar yang memberi **impak dan mempromosikan aktiviti perniagaan halal, peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan Halal kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang industry Halal.**
4. Penggunaan video, gambar, dan grafik dibenarkan. Namun tumpuan utama penghakiman kategori ini adalah pada penulisan di *post* atau teks di gambar /grafik /video.
5. Hanya karya asli diterima.
6. Karya-karya hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan tangkap layar (screenshot) berserta nota yang menyatakan alamat pautan / laman web / *url link* yang dimuatkan ke dalam **satu (1) salinan cakera padat.**